

Kesan Pendapatan Bukan Pertanian ke atas Kemiskinan: Kajian Kes Petani di Kedah

(The Effects of Non-Farm Income on Poverty: A Case Study on Farmers in Kedah)

Siti Hadijah Che-Mat
Roslan Abdul-Hakim
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menganalisis kesan pendapatan bukan pertanian ke atas kemiskinan petani. Analisis dibuat menggunakan kaedah pemisahan indek FGT (Foster-Greer-Thorbecke Index) berdasarkan tiga pendapatan garis kemiskinan (PGK). Data yang digunakan diperolehi daripada hasil tinjauan menggunakan soal selidik yang dilakukan ke atas petani di enam daerah di Kedah. Sebanyak 384 borang soal selidik diedarkan dengan bantuan pembanci yang dijalankan antara bulan April hingga Disember 2008. Saiz sampel ditentukan melalui kaedah persampelan rawak dua lapis dan kuota. Hasilnya, enam daripada sebelas daerah telah terpilih, iaitu Kubang Pasu, Sik, Kota Setar, Baling, Kulim dan Pulau Langkawi. Hasil kajian mendapati, pada ketiga-tiga tahap PGK, hampir kesemua keputusan menunjukkan pendapatan bukan pertanian mampu memberi kesan positif terhadap pengurangan kemiskinan dalam kalangan petani.

Kata kunci: kemiskinan; petani; isirumah; pendapatan bukan pertanian; pendapatan garis kemiskinan

ABSTRACT

This article aims to analyze the effects of non-farm income on poverty of farmers. The analysis is made using the method of separation index FGT (Foster-Greer-Thorbecke index) based on three poverty line income (PLI). The data used is gathered from a survey using a set of questionnaire conducted on farmers in six districts in Kedah. A total of 384 questionnaires were distributed with the help of enumerators conducted between April and December 2008. The sample size was determined through two-layered random sampling method and quotas. As a result, six out of eleven districts have been selected, i.e. Kubang Pasu, Sik, Kota Setar, Baling, Kulim and Pulau Langkawi. The study found that, at all three levels of PLI, almost all the results showed non-farm income could have a positive impact on reducing poverty among farmers.

Keywords: poverty; household; non-farm income; poverty line income

PENGENALAN

Isu kemiskinan dalam kalangan petani serta perkaitannya dengan aktiviti dan pendapatan bukan pertanian telah mewujudkan beberapa siri persoalan yang memerlukan penelitian lanjutan. Akibat daripada keadaan kemiskinan dan ketaksamarataan yang semakin meruncing maka Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibentuk. DEB (1970 – 1990), dirangka dengan matlamat jangka panjang untuk mencapai perpaduan negara melalui strategi serampang dua mata. Strategi pertama ialah untuk mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan cara meningkatkan tingkat pendapatan serta menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Strategi kedua pula bertujuan mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Merujuk Jadual 1, dapat diperhatikan secara keseluruhan kadar kemiskinan sememangnya telah menunjukkan penurunan yang memberangsangkan. Daripada tahun 1976 hingga ke tahun 2007 iaitu selama lebih kurang 30 tahun, kemiskinan keseluruhan telah berjaya dikurangkan dari 37.7% kepada 3.6%. Sehingga tidak keterlaluan jika dikatakan isu kemiskinan ini boleh dikatakan sudah tidak timbul lagi.

Kajian ini ingin melihat apakah aktiviti pertanian atau aktiviti bukan pertanian yang sebenarnya menjadi penyebab kepada pengurangan kemiskinan dalam kalangan petani luar bandar. Ini kerana jika dilihat kepada kajian lepas oleh Ho (1979), Adam (2001) dan de Janvry et. al (2005), kesemuanya mendapati pendapatan bukan pertanian membantu dengan banyaknya kepada pengurangan kemiskinan dan ketaksamarataan pendapatan.

Jadual 2 menunjukkan keadaan bilangan isi rumah miskin mengikut sektor antara tahun 1970 hingga 1980. Jika diperhatikan mereka yang di dalam sektor pertanian sekitar tahun 1970 hingga 1980 menunjukkan penurunan



JADUAL 1. Struktur Kemiskinan di Malaysia

	1976	1985	1990	1995	1997	1999	2002	2004	2007
Kadar Kemiskinan (% daripada isi rumah)									
Keseluruhan	37.7	20.7	16.5	8.5	6.1	7.5	6.0	5.7	3.6
Bandar	15.4	8.5	7.1	3.6	2.1	3.4	2.3	2.5	2.0
Luar Bandar	45.7	27.3	21.1	14.9	10.9	12.4	13.5	11.9	7.1
Kadar kemiskinan tegar (%)									
Jumlah	-	6.9	3.9	2.1	1.4	1.4	1.0	1.2	0.7
Bandar	-	2.4	1.3	0.9	0.5	0.5	0.3	0.4	0.3
Luar Bandar	-	9.3	5.2	3.6	2.4	2.4	2.6	2.9	1.4

Sumber: Laporan Ekonomi Pelbagai tahun

JADUAL 2. Semenanjung Malaysia: Jumlah Isi Rumah Miskin Mengikut Sektor, 1970-1980

	1970	1975	1980
	Kadar Kemiskinan (%) ¹	Kadar Kemiskinan (%) ¹	Kadar Kemiskinan (%) ¹
Pertanian	68.3	63.0	49.3
Bukan Pertanian	27.8	26.2	22.6
Jumlah	49.3	43.9	33.8

¹ (%) merujuk kepada%an isi rumah miskin dalam jumlah keseluruhan

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat (1981)

dalam kadar kemiskinan, iaitu daripada 68.3% kepada 49.3%. Namun jika dibandingkan kadar kemiskinan antara mereka yang berada dalam sektor pertanian dengan bukan pertanian, kadar kemiskinan di sektor pertanian secara relatifnya adalah lebih tinggi daripada yang melibatkan diri dalam sektor bukan pertanian. Dapat diperhatikan kadar kemiskinan dalam kalangan petani adalah lebih dua kali ganda berbanding dengan kemiskinan dalam kalangan bukan petani. Pada tahun 1980 misalnya kemiskinan dalam kalangan petani adalah sebanyak 49.3% berbanding dengan mereka yang bukan melakukan aktiviti pertanian iaitu hanya sebanyak 22.6%.

Walaupun begitu, selepas tahun 1980, tiada lagi data yang dilaporkan untuk kemiskinan mengikut sektor, namun jika penyertaan tenaga buruh dalam sektor-sektor ekonomi boleh dijadikan proksi bagi menunjukkan penglibatan penduduk luar bandar dalam aktiviti pertanian maka data berikut mungkin boleh dijadikan panduan.

Jadual 3 menunjukkan telah berlaku perubahan pekerjaan selaras dengan perubahan dalam struktur ekonomi. Memandangkan ekonomi mengalami proses

perindustrian yang pesat maka lebih banyak peluang pekerjaan wujud di sektor bukan pertanian berbanding dengan sektor pertanian.

Dapat diperhatikan kadar penyertaan tenaga kerja dalam sektor pertanian semakin menurun dari tahun 2003 hingga ke tahun 2008. Sebaliknya penyertaan tenaga kerja dalam sektor bukan pertanian menunjukkan peningkatan. Jika Jadual 2 sebelum ini menunjukkan kadar kemiskinan yang sentiasa lebih tinggi dalam kalangan mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti pertanian berbanding dengan aktiviti bukan pertanian, maka dijangka tahun-tahun selepas itu juga akan menunjukkan trend yang lebih kurang sama. Daripada tahun 2003 hingga ke tahun 2008 didapati mereka yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian semakin meningkat. Mungkin penyebab kepada peningkatan ini berpunca daripada penyertaan yang sama-sama dilakukan oleh golongan petani dengan melibatkan diri dalam aktiviti bukan pertanian. Maka timbul persoalan ingin tahu seterusnya iaitu berapa besarlah sumbangan pendapatan bukan pertanian ini kepada keseluruhan pendapatan petani dan apakah pendapatan bukan

JADUAL 3. Sektor Pekerjaan

Sektor Pekerjaan	1985	1990	1995	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Jumlah ('000)				10,047	10,464	10,893	11,159	11,398	11,525
Pertanian (% dari jumlah)	30.4	26.0	20.0	14.1	13.4	12.9	12.9	12.5	12.0
Bukan pertanian (% dari jumlah)	69.6	74.0	80.0	85.9	86.6	87.1	87.1	87.5	88

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Statistik dan Rancangan Malaysia

pertanian mampu mengurangkan kemiskinan? Apakah mungkin terdapat juga sumber-sumber bukan produktif atau yang berbentuk bukan pekerjaan seperti pemberian anak-anak dan pencen yang turut menyumbang kepada pengurangan kemiskinan dalam kalangan petani?

Daripada isu dan persolan yang ditimbulkan, maka sekiranya dapatan kajian menunjukkan peratusan pendapatan pertanian adalah tinggi sumbangannya kepada pendapatan keseluruhan jumlah petani, ini bererti di kawasan luar bandar, aktiviti pertanian sememangnya menjadi tulang belakang kepada petani. Tindakan pihak kerajaan yang sentiasa menggalakkan pertanian adalah bertepatan. Namun jika sebaliknya, maka inilah masanya untuk beralih kepada sumber-sumber yang baru yang mampu merubah keadaan petani tersebut. Ini bermakna apa yang perlu diketengahkan ialah percubaan untuk berubah daripada hanya melakukan pengeluaran pertanian di tahap ladang kepada satu bentuk yang lebih bersifat pemprosesan mungkin boleh dicadangkan. Tingkatkan nilai output pertanian kepada melakukan pemprosesan ke atas output mentah pertanian. Mungkin juga alternatif baru yang lain seperti melakukan aktiviti bukan pertanian yang terpisah langsung dengan aktiviti pertanian. Kesemua bentuk baru aktiviti pertanian dan yang tiada kaitan dengan aktiviti pertanian ini perlu mendapat sokongan dan bantuan dari pihak yang bertanggungjawab.

Secara spesifik kajian ingin mengetahui pecahan sumbangan sumber pendapatan dalam kalangan petani dan menganalisis sumbangan sumber berkenaan terutamanya pendapatan bukan pertanian kepada kemiskinan. Kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Selepas bahagian pengenalan, bahagian kedua adalah mengenai data dan kaedah kajian. Bahagian ketiga ialah analisis keputusan kajian dan bahagian keempat ialah kesimpulan.

DATA DAN KAEDAH KAJIAN

DATA


Data yang digunakan untuk tujuan kali ini adalah data yang dikumpul daripada tinjauan yang dilakukan ke atas ketua keluarga dalam kalangan petani di negeri Kedah pada bulan April hingga Disember 2008.

Bagi mendapatkan keputusan kajian yang lebih menyeluruh, maka pemilihan responden kajian adalah mengikut ciri-ciri atau spesifikasi yang telah ditetapkan. Ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh sesuatu ciri lokasi kediaman petani itu dalam mempengaruhi kemiskinan. Antara ciri-ciri kawasan yang telah ditetapkan adalah seperti Rajah 1.

JADUAL AGIHAN SAMPEL MENGIKUT DAERAH DAN CIRI KAWASAN

Bilangan responden bagi setiap daerah ditetapkan berdasarkan jumlah penduduk di setiap daerah kajian. Sebanyak 384 responden diagihkan kepada KIR petani di Daerah Baling seramai 48 responden, manakala sebanyak 135 responden ditetapkan di Daerah Kota Setar, 71 responden di Daerah Kubang Pasu, 29 responden di Daerah Pulau Langkawi, 77 responden di Daerah Kulim dan 23 responden di Daerah Sik. Maklumat dan cara pengiraan untuk mendapatkan bilangan sampel mengikut daerah ini ditunjukkan di dalam Jadual 4.

Setelah mengetahui bilangan responden untuk setiap daerah, maka proses seterusnya adalah untuk mendapatkan jumlah sampel di keempat-empat ciri kawasan. Justeru untuk mendapatkan gambaran kepentingan yang sama berat maka daripada 384 responden, pecahan yang sama rata telah dibuat untuk setiap ciri kawasan yang telah ditetapkan dengan setiap ciri mempunyai 96 responden.



RAJAH 1. Pecahan Responden Mengikut Daerah Kajian dan Ciri Kawasan

JADUAL 4. Responden Mengikut Daerah Kajian

Daerah/Ciri	Jumlah Penduduk	Bilangan Isi rumah (purata Saiz isi rumah 4.82 th 2000)	Petani (anggaran 20% dari I/R)	Bilangan Sampel (dari 384)
Daerah K.Pasu	210,541	43,681	8,736	71
Daerah K.Setar	398,650	82,707	16,541	135
Daerah Baling	142,513	29,567	5,913	48
Daerah Kulim	227,865	47,275	9,455	77
Daerah Langkawi	85,336	17,705	3,541	29
Daerah Sik	69,404	14,399	2880	23
Jumlah	1,134,309	235,334	47,067	384

Sumber: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2004)

KAEDAH PENGANGGARAN

Analisis ini hanya menggunakan 346 orang responden sahaja. Ini adalah kerana didapati terdapat beberapa maklumat dari beberapa responden yang tidak lengkap dan ada yang tidak boleh dianalisis. Dalam kajian ini, PGK yang diguna pakai ialah PGK yang telah sedia ada yang terdapat dalam laporan Rancangan Malaysia dan e-Sinar.


Selain daripada sumber pendapatan pertanian (*Farminc*), KIR juga mungkin memperoleh pendapatan daripada aktiviti bukan pertanian (*Ofarminc*). Pendapatan bukan pertanian terdiri daripada tiga sumber iaitu: 1) *Pendapatan hasil daripada aktiviti yang melibatkan pertanian di luar tahap ladang (Ofarminc_a)* iaitu semua pendapatan yang diperolehi oleh KIR apabila hasil pertanian itu telah melalui proses pemprosesan atau yang telah menjadikan output pertanian asal kepada sesuatu bentuk hasil pertanian berbentuk lain (baru). 2) *Pendapatan yang terpisah langsung daripada aktiviti pertanian (Ofarminc_b)*. Ini bermaksud pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti atau pekerjaan yang dilakukan oleh KIR tersebut yang tiada kaitannya dengan aktiviti pertanian. 3) *Pendapatan daripada sumber bukan pekerjaan (Transinc)*. Ini termasuk penerimaan zakat, pencen, pendapatan yang diterima daripada anak-anak dan lain-lain.

Untuk kajian ini, pendapatan bukan pertanian (1) dan (2) disatukan dengan nama pendapatan bukan pertanian

(*Ofarminc*) manakala pendapatan bukan pekerjaan (*Transinc*) satu kategori lain. Rajah 2, menggambarkan kategori pendapatan KIR seperti mana yang dinyatakan sebelum ini. Sumber yang mana satukah sebenarnya yang mampu merubah kemiskinan? Adakah pendapatan pertanian, pendapatan bukan pertanian ataupun pendapatan bukan pekerjaan yang lebih banyak menyumbang kepada pengurangan kemiskinan? Untuk merealisasikan persoalan ini maka dalam kajian ini teknik yang digunakan ialah pemisahan indek FGT (Foster-Greer-Thorbecke Index).

Indek FGT boleh dipisahkan (*decompose*) untuk melihat sumbangan setiap sesuatu yang dikehendaki atau mengukur kemiskinan bagi sub kumpulan populasi. Dengan melakukan modifikasi ke atas indek kemiskinan, menurut Foster-Greer-Thorbecke (1984) ia boleh digunakan untuk melihat kesan pendapatan bukan pertanian ke atas kemiskinan. Seperti mana Huppi Ravallion (1991) yang melihat pemisahan ke atas sumber pendapatan bagi melihat kesannya ke atas kemiskinan di Indonesia. Manakala Reardon & Taylor (1996) melakukan pemisahan ke atas FGT koefisien kemiskinan mengikut sumber pendapatan.

Indek FGT membolehkan kita melihat indek untuk setiap kumpulan yang dikehendaki (mungkin melalui kawasan, ataupun tingkat pendapatan) dalam kalangan yang miskin. Dengan melakukan sedikit perubahan kepada kaedah yang digunakan oleh Adams (2004) dalam



RAJAH 2. Carta Kategori Pendapatan KIR

Sumber: Ilustrasi penulis

kajiannya mengenai kemiskinan di Guatemala, kajian ini juga akan menggunakan indeks FGT untuk menganggarkan kesan perubahan pendapatan bukan pertanian kepada kemiskinan:

1. *Headcount measure*, $P_H(H_d; z) = \frac{q}{n}$, mengukur insiden kemiskinan, iaitu pecahan (peratusan) populasi yang berada di bawah daripada garis kemiskinan.

2. Jurang kemiskinan, $P_G(Y_d; z) = \frac{1}{q} \sum_{i=1}^q (z - Y_{di})$, mengukur kedalaman kemiskinan iaitu sejauh mana pendapatan KIR jatuh di bawah garis kemiskinan.

3. Lingkungan jurang kemiskinan (*The squared poverty gap*) $P_{SG}(Y_d; z) = \frac{1}{q} \sum_{i=1}^q (z - Y_{di})^2$, mengukur *severity of poverty dansensitivity* kepada perubahan dalam agihan pendapatan dalam kalangan yang miskin.

Dalam melakukan analisis, terlebih dahulu penyelidik membahagikan petani kepada empat kumpulan seperti mana yang dilakukan oleh Adams (2004). Kumpulan pertama hanya mengambil kira petani yang mempunyai pendapatan pertanian sahaja. Kumpulan kedua menambahkan pendapatan bukan pertanian kepada pendapatan pertanian, kumpulan ketiga menambahkan pendapatan bukan pekerjaan kepada pendapatan pertanian dan kumpulan keempat merangkumi kesemua pendapatan yang dimiliki oleh KIR. Dengan cara ini pengiraan pertambahan atau perbezaan satu-satu kumpulan pendapatan boleh diperolehi apabila membandingkan kumpulan-kumpulan kedua, ketiga dan keempat dengan kumpulan pertama. Seterusnya pengiraan kemiskinan menggunakan kaedah FGT dilakukan dengan menggunakan tiga pendapatan garis kemiskinan iaitu 543, 700 dan 430.

KEPUTUSAN KAJIAN

Dua keputusan kajian yang akan dianalisis, yang pertama berkaitan dengan sumber-sumber pendapatan petani dan yang kedua berkaitan dengan sumbangan sumber-sumber pendapatan itu kepada kemiskinan.

ANALISIS SUMBER PENDAPATAN PETANI

Dalam kajian ini, hanya jumlah pendapatan yang diperolehi oleh KIR sahaja yang dianalisis. Secara umumnya pendapatan KIR berpunca daripada tiga sumber iaitu: 1) Pendapatan pertanian (*Farminc*); 2) Pendapatan bukan pertanian (*Ofarminc*); dan 3) Pendapatan bukan pekerjaan (*Transinc*).

JADUAL 5. Ringkasan Sumber Pendapatan KIR

Sumber Pendapatan	Purata Pendapatan KIR Sebulan (RM)	Peratus sumber pendapatan
Pendapatan Pertanian (<i>Farminc</i>)	1,006.16	71.51
Pendapatan bukan pertanian (<i>Ofarminc</i>)	282.54	20.07
Pendapatan bukan pekerjaan (<i>Transinc</i>)	119.25	8.47
Jumlah Pendapatan (<i>Totalinc</i>)	1,407.96	100.00

Nota: Jumlah responden = 346

Dalam kajian ini, hanya 90.81% (346) dari jumlah keseluruhan KIR (381) di analisis. Selebihnya tidak diambil kira kerana sama ada KIR mempunyai sumber pendapatan yang terlalu tinggi ataupun mempunyai pendapatan yang terlalu rendah. Daripada jumlah ini hanya 105 KIR (30.35%) memiliki pendapatan bukan pertanian. Jadual 5, menunjukkan dengan jelas kepentingan sumber pendapatan bukan pertanian selain daripada pendapatan pertanian. Pendapatan pertanian menunjukkan sumber pendapatan yang terpenting dengan jumlah sebanyak 71.51% kepada jumlah pendapatan keseluruhan KIR.

Pendapatan bukan pertanian juga menyumbang kepada pertambahan jumlah pendapatan KIR, iaitu sebanyak 20.07% sumber pendapatan keseluruhan KIR datangnya daripada aktiviti pendapatan bukan pertanian, manakala hanya 8.47% daripada pendapatan bukan pekerjaan.

Pendapatan purata yang diterima oleh KIR tanpa mengambil kira pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan adalah sebanyak RM1,006.16. Namun selepas mengambil kira pendapatan yang diperolehi daripada sumber pendapatan bukan pertanian, pendapatan purata KIR meningkat sebanyak RM282.54 menjadikan pendapatan purata petani sekarang ialah RM1,288.70. Ini bermakna pendapatan bukan pertanian mampu menjadikan purata pendapatan petani meningkat.

KESAN PERUBAHAN PENDAPATAN BUKAN PERTANIAN TERHADAP KEMISKINAN

Keputusan daripada pengiraan ini boleh digunakan sebagai asas untuk melihat kesan pendapatan bukan pertanian kepada kemiskinan apabila pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan dikira dalam jumlah pendapatan. Jadual 6 menunjukkan tiga pengukuran kemiskinan yang berbeza berdasarkan kepada tiga PGK yang berbeza. Pengukuran yang pertama iaitu kadar kemiskinan, yang mengukur peratusan mereka yang berada di bawah daripada garis kemiskinan.

Walaubagaimanapun seperti yang dikatakan sebelum ini, indeks ini tidak mengambil kira 'depth of poverty', iaitu jumlah ringgit secara purata yang kurang daripada garis kemiskinan itu.

Maka pengiraan dilakukan juga untuk mendapatkan jurang kemiskinan, di mana ia mengukur berapa banyak atau berapa besar kekurangan pendapatan seseorang itu daripada pendapatan garis kemiskinan. Pengukuran kemiskinan yang ketiga diperolehi dengan mengkuasaduakan jurang kemiskinan yang membentuk *severity of poverty*. Kaedah ini adalah lebih bermakna kerana ia begitu sensitif dengan perubahan agihan antara yang miskin. Lajur (1-4) dalam Jadual 6 menunjukkan keputusan indeks kemiskinan tiga PGK untuk empat kumpulan pendapatan.

Lajur (1) menunjukkan keputusan indeks tanpa mengambil kira pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan. Lajur (2) melaporkan keputusan indeks apabila pendapatan bukan pertanian diambil kira didalam pendapatan pertanian KIR. Lajur (3) melaporkan keputusan indeks apabila pendapatan bukan pekerjaan diambil kira dalam pendapatan pertanian. Lajur (4) pula melaporkan keputusan apabila semua pendapatan bukan pertanian dan bukan pekerjaan diambil kira ke dalam jumlah pendapatan pertanian.

Lajur (1) mengukur indeks kemiskinan kepada pendapatan pertanian sahaja (pendapatan bukan pertanian dan bukan pekerjaan tidak diambil kira) ke atas 346 petani. Lajur (2) mengukur indeks kemiskinan dengan menggunakan jumlah pendapatan petani yang terdiri dari pendapatan pertanian dan pendapatan bukan pertanian sahaja. Lajur (3) Mengira kadar kemiskinan dengan menggunakan pendapatan daripada pendapatan bukan

pekerjaan dan pendapatan pertanian sahaja. Lajur (4) mengukur kadar kemiskinan kepada semua petani yang merangkumi kesemua pendapatan yang dimilikinya; iaitu pendapatan pertanian, bukan pertanian dan bukan pekerjaan. Lajur (5) (6) dan (7) ialah pengiraan kemiskinan dari segi%an perubahan yang diperolehi dari perbandingan antara lajur (2) (3) dan (4) kepada lajur (1) dan didarabkan 100.

NFi ialah pendapatan bukan pertanian dan Unearn ialah pendapatan bukan pekerjaan yang mungkin dari bayaran pindahan, pemberian anak-anak dan lain-lain, Farminc ialah pendapatan pertanian. Dengan hanya satu kekecualian, yang selebihnya semuanya menunjukkan pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan semuanya mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan jurang kemiskinan kuasa dua (*level, depth dan severity of poverty*) di Kedah. Walaubagaimanapun saiz pengurangan kemiskinan bergantung kepada bagaimana kemiskinan itu diukur. Sebagai contoh, pada PGK 700, dengan menggunakan kaedah pengukuran *headcount ratio*, sumbangan pendapatan bukan pertanian kepada pendapatan pertanian akan mengurangkan kadar kemiskinan sebanyak 20.74%, manakala jurang kemiskinan akan berkurangan sebanyak 24.91% dan *poverty severity* akan berkurangan sebanyak 28.04%. Pendapatan bukan pekerjaan juga membantu mengurangkan kemiskinan. Sebagai contoh pada PGK 700, pengurangan kadar kemiskinan adalah sebanyak 16.48% berbanding dengan pengurangan dalam jurang kemiskinan sebanyak 22.91% dan dalam *poverty severity* sebanyak 29.02%. Apabila diambil kira kedua-dua sumbangan iaitu sumbangan daripada pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan, maka

JADUAL 6. Indeks FGT, Kesan Pendapatan Bukan Pertanian terhadap Kemiskinan

PGK/ α	Pendapatan Pertanian@ Farminc	Pendapatan Pertanian dan pendapatan bukan pertanian@ Farminc + NFi	Pendapatan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan@ Farminc + unearn	Jumlah pendapatan keseluruhan@ Farminc + NFi+ unearn	% Perubahan (Farminc vs. ada NFi)	% Perubahan (Farminc vs. Unearn)	% Perubahan (Farminc vs NFi dan Unearn)
	(1)	(2)	(3)	(4)	$[(2)-(1)]/(1)^* 100$	$[(3)-(1)]/(1)^* 100$	$[(4)-(1)]/(1)^* 100$
					% (5)	% (6)	% (7)
543	0	0.36	0.28	0.29	-21.62	-20.01	-42.37
	1	0.12	0.09	0.09	-28.57	-29.53	-54.17
	2	0.06	0.04	0.04	-31.53	-35.35	-60.19
700	0	0.47	0.38	0.40	-20.74	-16.48	-34.77
	1	0.19	0.15	0.15	-24.72	-22.91	-45.37
	2	0.10	0.07	0.07	-28.04	-29.02	-52.94
430	0	0.24	0.17	0.29	-29.28	21.94	-53.67
	1	0.08	0.05	0.09	-31.49	10.16	-60.48
	2	0.04	0.03	0.04	-33.67	2.78	-64.56

Nota: Baris pertama bagi setiap PGK ialah untuk $\alpha=0$ dan merujuk kepada insiden kemiskinan, dan diikuti untuk $\alpha=1$ yang merujuk kepada jurang kemiskinan dan akhirnya ialah untuk $\alpha=2$ yang merujuk kepada jurang kemiskinan kuasa dua iaitu yang mengambil kira ketaksamarataan dikalangan individu.

didapati kadar kemiskinan akan berkurang dengan besarnya iaitu sebanyak 34.77%. Begitu juga dengan pengurangan dalam jurang kemiskinan sebanyak 45.37% dan kemiskinan kuasa dua (*poverty severity*) sebanyak 52.94%. Kesimpulan yang boleh dibuat daripada keputusan ini ialah keadaan kemiskinan akan berkurang dengan banyaknya apabila menggunakan kaedah pengukuran yang memfokuskan kepada jurang kemiskinan dan jurang kemiskinan kuasa dua. Dalam kata lain, pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan mempunyai kesan yang besar dalam mengurangkan *severity of poverty* berbanding dengan kadar kemiskinan di Kedah kerana mungkin pendapatan bukan pertanian ini banyak dimiliki oleh petani-petani di dalam kumpulan pendapatan yang menghampiri garisan kemiskinan.

KESIMPULAN

Artikel ini menggunakan data KIR dalam kalangan petani untuk melihat kesan pelbagai sumber pendapatan terutamanya pendapatan bukan pertanian kepada kemiskinan. Daripada jumlah petani yang dikaji (346), hanya 105 KIR (30.35%) memiliki pendapatan bukan pertanian. Kajian mendapati 71.51% pendapatan petani datangnya daripada sumber pendapatan pertanian, manakala 20.07% dan 8.47% datangnya daripada sumber pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan.

Walaupun pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan memberi peratusan sumbangan yang kecil kepada pendapatan keseluruhan petani namun sumbangan kedua-dua pendapatan ini tidak boleh dipertikaikan. Dengan hanya satu kekecualian (PGK 430), kesemua pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan mengurangkan kemiskinan. Walau bagaimanapun pengurangan kemiskinan itu adalah berbeza-beza, bergantung kepada bagaimana cara kemiskinan itu dikira. Pada PGK 700, dengan menggunakan pengukuran *head count*, pengurangan kemiskinan akibat perubahan pendapatan bukan pertanian adalah sebanyak 20.74% manakala pengurangan akibat kedua-dua pendapatan bukan pertanian dan pendapatan bukan pekerjaan adalah sebanyak 34.77%. Walau bagaimanapun pengurangan kemiskinan adalah lebih besar dengan penggunaan indek jurang kemiskinan dan jurang kemiskinan kuasa dua, di mana pengurangan kemiskinan yang ditunjukkan oleh kedua-dua kaedah pengukuran ini apabila pendapatan ialah 45.37% dan 52.94% masing-masing.

RUJUKAN

- Adams. R.H. 2001. Nonfarm income, inequality and poverty in rural Egypt and Jordan. *Policy Research Working Paper* 2575.
- Adams. R.H. 2004. Remittances and poverty in Guatemala. *World Bank Policy Research Working Paper* 3418.
- de Janvry, A., Sadoulet, E. and Zhu, N. 2005. The role of non-farm incomes in reducing rural poverty and inequality in China, *CUDARE Working Paper Series* 1001, University of California at Berkeley, Department of Agricultural and Resource Economics and Policy.
- Foster, J., Greer, J. dan Thorbecke, E. 1984. A class of decomposable poverty measures. *Econometrica* 52 (3): 761-766.
- Ho, S. 1979. Decentralized Industrialization and Rural Development: Evidence from Taiwan, *Economic Development and Cultural Change* 28 (1): 77-96.
- Huppi, M. and Ravallion, M. 1991. The sectoral structure of poverty during an adjustment period: evidence for Indonesia in mid 1980s. *World Development* 19 (11): 1653-1678.
- Lanjouw, J.O. and Lanjouw, P. 1995. Rural Non-Farm Employment: A Survey. *Policy Research Working Paper* 1463, Washington D.C.: The World Bank.
- Lanjouw, J.O. and Lanjouw, P. 2001. The rural non-farm sector: Issues and evidence from developing countries. *Agricultural Economics* 26: 1-23.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2005. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 1999. Laporan Ekonomi 1998/99. Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia.
- Malaysia. 2005. Laporan Ekonomi 2004/2005. Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia.
- Malaysia. 2009. Laporan Ekonomi 2008/2009. Kuala Lumpur: Menteri Kewangan Malaysia.
- Malaysia. 1981. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 1986. Fifth Malaysia Plan 1986-1990. Kuala Lumpur: National Printing Department.
- Malaysia. 1991. Sixth Malaysia Plan 1991-1995. Kuala Lumpur: National Printing Department.
- Malaysia. 1995. Population and housing census of Malaysia 1991. General report of the population census, Vol.1. Kuala Lumpur: Department of Statistic.
- Malaysia. 2001. Population and housing census of Malaysia 2000. General report of the population census, Vol.1. Kuala Lumpur: Department of Statistic.
- Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 2004. Bank Data Negeri/ Daerah 2004. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah.
hadijah@uum.edu.my